



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : ETIKA PROFESIONAL**  
**KOD KURSUS : MPU2223**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---


**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
  2. Jawab semua soalan dari **BAHAGIAN A, BAHAGIAN B** dan **BAHAGIAN C**
  3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Buku Jawapan
- 

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



## BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **tiga (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

### Menangani Jaguh Siber

Pada zaman teknologi maklumat yang pantas merentas masa, komunikasi mula menampakkan perubahan dari segi kaedah dan tujuan penggunaannya, selaras dengan perkembangan pesat proses komunikasi global. Malah, dengan kewujudan teknologi maklumat sebagai alat rangkaian sosial juga telah menyebabkan masyarakat mula beralih kepada teknologi internet sebagai alat komunikasi.

Hal ini membuktikan bahawa penggunaan internet semakin meluas dalam menyelaraskan pergerakan informasi melalui pelbagai arah. Tambahan pula, interaksi sosial dapat dibentuk dan pergaulan maya tanpa sempadan diwujudkan. Hal ini sekali gus membolehkan para pengguna berinteraksi secara lebih mudah secara dalam talian.

Tatkala laman sosial semakin popular, semakin banyak golongan jaguh siber atau dikenali sebagai keyboard warrior muncul. Jaguh siber bermaksud seseorang yang menzahirkan emosinya, seperti marah atau gembira, melalui internet. Oleh sebab itu, emosi tersebut dimanifestasikan melalui gaya tulisan yang tidak sopan untuk menyinggung perasaan dan emosi pihak lain ketika membacanya.

Secara kebiasaannya, jaguh siber menggunakan akaun palsu untuk melakukan aktiviti tidak bermoral mereka. Perbuatan ini diibaratkan seperti baling batu sembunyi tangan. Hal ini disebabkan mereka tidak berani untuk bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan atau keputusan yang dibuat, selain daripada menyembunyikan identiti mereka yang sebenar.

Sehubungan dengan itu, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) menyarankan para pengguna laman sosial agar mengambil inisiatif meningkatkan pengetahuan masing-masing melalui pelbagai saluran media.

Dengan adanya pengetahuan yang luas, para pengguna mampu berfikir tentang baik atau buruknya sesuatu tindakan yang dilakukan.

Para pengguna juga disarankan untuk mempraktikkan kawalan diri sendiri supaya tidak terpengaruh dengan perbuatan jahuh siber. Hal ini secara tidak langsung dapat mengelakkan pengguna daripada berkongsi sesuatu isu yang disebarkan secara meluas tanpa usul periksa.

(Disesuaikan daripada petikan "Menangani Jaguh Siber",  
Dewan Siswa, Ogos 2018)

1. Berdasarkan petikan di atas, senaraikan **empat (4)** etika yang perlu diamalkan oleh pengguna laman sosial.  
(4 markah)
2. Huraikan **empat (4)** kawalan sendiri yang boleh dipraktikkan oleh pengguna laman sosial dalam menangani masalah jaguh siber dalam petikan di atas.  
(8 markah)
3. Bincangkan **empat (4)** langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk mengekang pengaruh jaguh siber di negara kita.  
(8 markah)

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **lima (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Golongan profesional perlulah memberikan perkhidmatan yang sama kepada semua tanpa mengira agama, warna kulit, jantina, fahaman politik dan status sosioekonomi.

- a. Jelaskan maksud kesamaan peluang dan ketidaksamaan peluang.

(4 markah)

- b. Bincangkan **tiga (3)** isu yang terdapat dalam ketidaksamaan peluang.

(6 markah)

**SOALAN 2**

Pada umumnya terdapat lima model yang boleh diaplikasikan dalam membincangkan hubungan profesional-klien. Bincangkan **dua (2)** model hubungan profesional-klien di bawah berserta contoh-contoh yang sesuai.

- a. Model Agensi (5 markah)

- b. Model Persahabatan (5 markah)

- c. Model Fiduciari (5 markah)

**SOALAN 3**

Golongan profesional selalunya dipandang tinggi oleh masyarakat. Mereka dianggap golongan yang berprestij dan berpengetahuan tinggi. Oleh yang demikian, profesional mempunyai tanggungjawab terhadap kebaikan awam.

a. Nyatakan **empat (4)** tanggungjawab golongan profesional terhadap masyarakat.

(4 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** langkah yang boleh dilakukan oleh golongan profesional untuk menambah kepakaran mereka.

(6 markah)

**SOALAN 4**

Secara umumnya semua profesion profesional mempunyai kod etikanya sendiri.

a. Jelaskan maksud kod etika.

(2 markah)

b. Bincangkan **empat (4)** daripada peranan kod etika berserta dengan contoh-contoh yang bersesuaian dalam kalangan profesional.

(8 markah)

**SOALAN 5**

Perbuatan “meniup wisel” dalam kalangan profesional ada kalanya mendatangkan akibat yang kurang baik terhadap sesebuah organisasi yang diwakili oleh mereka.

a. Apakah yang dimaksudkan dengan “meniup wisel”?

(2 markah)

b. Jelaskan **dua (2)** bentuk “meniup wisel”.

(2 markah)

c. Huraikan **tiga (3)** ciri utama tentang perbuatan “meniup wisel”.

(6 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan. Jawab **satu (1)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Perkhidmatan Awam adalah bahagian yang penting dalam perkhidmatan negara. Kakitangan perkhidmatan awam menjadi tunjang kepada kestabilan negara. Mereka tidak terkecuali daripada berpegang kepada kod etika yang telah ditetapkan. Bincangkan **tiga (3)** kod etika kakitangan perkhidmatan awam dan huraikan **tiga (3)** langkah yang boleh diambil oleh kakitangan perkhidmatan awam daripada terjebak dengan perbuatan yang tidak beretika.

**SOALAN 2**

Pihak kerajaan telah memansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Namun demikian didapati harga barang keperluan masih tinggi di pasaran. Pada pendapat anda sejauh manakah peniaga mematuhi etika perniagaan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan? Cadangkan **lima (5)** langkah yang boleh diambil terhadap peniaga yang melanggar etika.

[30 MARKAH]

**KERTAS SOALAN TAMAT**